QURANIA

Qurania 2 lebih beraneka, lebih mencabar, lebih menyeronokkan! Paling penting, akan membuatkan anda lebih teruja untuk membaca al-Quran.

Intai-intai dulu di dalam:

Siri Qurania, buku teka-teki al-Quran ini untuk sesiapa yang suka aktiviti cabaran minda. Sesuai untuk usia 7 hingga 77 tahun.

LUQMAN MAKHTAR ialah mantan editor Majalah Solusi. Karya beliau sebelum ini, siri *Asam Garam Rumah Tangga Nabi SAW* mendapat sambutan hangat. Kini beliau hadir dengan siri *Qurania*; buku teka-teki al-Quran yang diharapkan meneruskan kecemerlangan. Beliau berazam mewakafkan diri sebagai penulis buku agama sepenuh masa ke akhir usia. Doakan beliau! Sokong beliau!

Sem. Malaysia: **RM9.00**
Sabah & Sarawak: **RM11.00**

9 789671 647547

QURANIA 2

LUQMAN MAKHTAR

LIDI MEDIA

LIDI MEDIA

QURANIA

500+ soalan aneka cabaran.
Lebih mencabar! Lebih menyeronokkan!

Buku Teka-teki al-Quran. 2

LUQMAN MAKHTAR

Assalamualaikum!

Alhamdulillah, buku *Qurania 2* dapat diterbitkan!

Biar saya sebutkan beberapa perkara ya.

Pertama, buku ini lebih mencabar. Bermakna, lebih menyeronokkan, insya-Allah. Sebahagian cabaran di sini dirangka berdasarkan buku pertama. Bermakna, anda akan rasa lebih seronok jika sudah menyiapkan buku pertama sebelum ini.

Kedua, apa yang maksudkan dengan 500+ soalan ialah merujuk kepada soalan-soalan individu yang anda perlu berikan jawapan. Angka tepatnya, ada 527 tempat kosong yang menanti saudara isi dengan jawapan. Tidak percaya? Cuba kira!

Ketiga, draf asal buku ada 5 bahagian. Namun dek kekangan ruangan, saya terpaksa keluarkan satu bahagian. Bahagian tersebut mengandungi 10 set teka silang kata. Sengaja saya sebutkan, supaya saudara doakan saya dapat bawakannya dalam siri *Qurania* yang akan datang.

Akhir sekali, semoga saudara mendapat ilmu baharu dan merasai keseronokan mendalami al-Quran.

Luqman Makhtar
Saujana Rawang

BAHAGIAN 1

KUIZ

KUIZ 1

1. Apakah warna pakaian ahli syurga yang disebut dalam al-Quran?

   A. Kuning B. Putih C. Hijau

2. Apakah yang bersayap dua, tiga dan empat? (Fatir 35: 1)

   A. Burung B. Malaikat C. Jin

3. Apakah nama buah berduri yang menjadi makanan ahli neraka?

   A. Zaqqum B. Hawiah C. Ghislin

4. Apakah 11 benda yang dimimpikan Nabi Yusuf?

   A. Bukit B. Bintang C. Lembu

5. Apa yang Nabi Musa nampak di atas bukit lalu baginda pergi tengok?

   A. Api B. Malaikat C. Pokok

6. Apa gelaran kepada pendokong Nabi Isa?

   A. Ansar B. Hawari C. Ahli Kitab.

KUIZ 3 - BERAPA

1. Berapa jenis makanan yang diturunkan dari langit buat kaum Nabi Musa?

   A. 2 B. 4 C. 5

2. Berapa orang malaikat pembawa arasy? (Al-Haqqah 69: 17)

   A. 8 B. 800 C. 8000

3. Berapa ekor burung Nabi Ibrahim bela? (Al-Baqarah 2: 260)

   A. 4 B. 10 C. 16

4. Neraka ada berapa buah pintu? (Al-Hijr 15: 44)

   A. 3 B. 7 C. 1000

5. Berapa hari Nabi Musa pergi bertemu Allah? (Al-Baqarah 2: 51)

   A. 20 B. 40 C. 100

6. Berapa orang malaikat utama penjaga neraka? (Al-Muddaththir 74: 30)

   A. 7 B. 10 C. 19

BAHAGIAN 2

BETUL ATAU SALAH

B@S 1	B/S
1. Ada 115 surah dalam al-Quran.	_____
2. Surah gajah lebih panjang daripada surah lembu betina.	_____
3. Burung belatuk lambat menghadap Nabi Sulaiman.	_____
4. Rasulullah diperjalankan pada waktu malam ke Yaman.	_____
5. Ramadan disebut dalam al-Quran.	_____
6. Al-Ma'idah ialah nama surah ke-5.	_____
7. Terdapat sungai arak dalam syurga.	_____
8. Mikail malaikat pembawa wahyu.	_____
9. Ada surah yang bermula dengan satu huruf.	_____
10. Unta pernah keluar dari batu.	_____

Nota: Jawapan disediakan di akhir setiap bahagian.

BAHAGIAN 3

LENGKAPKAN

Set 2 - Hakikat dunia

Ayat 1
Al-Ankabut 29: 64

Kehidupan _____ ini hanyalah kelekaan dan _____ sahaja.

Permainan – dunia

Ayat 2
Al-Kahfi 18: 7

Kami jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai _____ kerana Kami hendak _____ mereka; siapakah antara mereka yang lebih baik _____nya.

menguji – amalan - perhiasan

Ayat 3
Al-Kahfi 18: 45-46

_____ dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari _____ lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain. Kemudian ia menjadi kering hancur ditiup _____. Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

BAHAGIAN 4

ANEKA

Set 2 - Siapa kata

1. Kami anak-anak Allah dan makhluk amat disayangi-Nya. (Al-Ma'idah 5: 18)

   Siapa kata?: _____

2. Jika engkau capaikan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku tidak sekali-kali akan capaikan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. (Al-Ma'idah 5: 28)

   Siapa kata?: _____

3. Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu. (Al-Naml 27: 39)

   Siapa kata?: _____

4. Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya kami menjadi orang yang rugi. (Al-A'raf 7: 23)

   Siapa kata?: _____

5. Bawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku. (Yusuf 12: 93)

   Siapa kata?: _____

Set 3 – Berapa

1. Pada hari itu seramai ____ malaikat memikul arasy Tuhanmu. (Al-Haqqah 69: 17)

2. "Wahai Musa kami sudah tidak tahan dengan _____ jenis makanan sahaja." (A-Baqarah 2: 61)

3. "Tuhan, jadikanlah tanda untukku." "Tandanya, engkau tidak akan bercakap dengan orang selama _____ hari" (Maryam 19: 10)

4. "Peliharalah ___ ekor burung. Jadikannya jinak denganmu…" (Al-Baqarah 2: 260)

5. Wahai orang beriman! Apabila ada antara kamu hampir mati, ketika hendak berwasiat, maka hendaklah wasiatnya disaksikan oleh _____ orang yang adil dalam kalangan kamu.. (Al-Ma'idah 5: 106)

6. Tuhan kamu menciptakan langit-langit dan bumi dalam masa _____ hari. (Yunus 10: 3)

7. "Seluk tanganmu ke dalam bajumu dan keluarkan lalu terpancar cahaya putih yang bukan kecacatan sebagai sebahagian daripada _____ tanda untuk berdepan dengan Firaun dan kaumnya." (Al-Naml 27: 12)

8. Wahai anak-anakku, jangan kamu masuk dari _____ pintu sahaja. (Yusuf 12: 67)